

01 AUG 1996

#### KADAR CAPAIAN MSC PATUT KOMPETITIF

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Capaian kepada telekomunikasi dan rangkaian di dalam Koridor raya Multimedia (MSC) patutlah berharga kompetitif pada kadar tetap atau percuma, presiden dan ketua pegawai eksekutif (CEO) Oracle Corporation Ray Lane berkata hari ini.

Tidak lama lagi kos menggunakan telefon untuk setahun dan tidak menggunakannya adalah lebih kurang sama; nilai transmisi akan turun dan prasarana teknologi tinggi akan memudahkan transmisi yang senang dan realistik, tambahnya.

Beliau menyertai dalam perbincangan panel mengenai "Faktor-faktor Kejayaan Penting bagi Koridor raya Multimedia pada Persidangan dan pameran MSC dan Multimedia Asia`96 di sini.

Lane berkata tumpuan MSC patutlah untuk menarik kemahiran yang mengujudkan kandungan kerana, tanpa kandungan, ia akan "amat suram, amat mahal dan tidak kompetitif."

MSC adalah satu kawasan 15 km dengan 50 km merangkumi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang (KLIA) pusat pentadbiran baru Putrajaya dan IT City, ke barat Putrajaya.

Untuk menjayakan MSC, Malaysia akan memerlukan satu program yang amat agresif bagi mengujudkan persekitaran pendidikan bagi program dalam kejuruteraan, sains, muzik, kesenian dan drama yang seimbang di universiti-universiti, tambahnya.

"Wujud keperluan mempunyai program pendidikan yang seimbang di negara ini kerana dunia multimedia akan memberikan kelebihan persaingan yang penting, dan para pelajar boleh menggunakan kesenian di dalam program sains lanjutan," katanya ketika menjawab satu pertanyaan daripada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai membina satu persekitaran yang sesuai bagi MSC.

Anwar, yang juga menteri kewangan, mempengerusikan sesi pertama itu. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan persidangan itu hari ini.

Lane berkata apabila persekitaran pendidikan telah berdiri kukuh, ia boleh mengujudkan para pemimpin yang kemahiran mereka boleh digunakan di dalam negeri, di dalam rantau Asean dan di seluruh dunia.

Beliau juga berkata bahawa dalam mempromosikan MSC, tumpuan patutlah diberikan kepada memahami bagaimana industri-industri akan beroperasi dalam lima hingga 10 tahun kemudian, dan bagaimana MSC akan memberikan mereka kelebihan. -- BERNAMA

YY OS/sia